

**Ahli Kongres Amerika Puji Sistem Demokrasi Di Malaysia**  
**Bernama**  
**5 April, 2012**

KUALA LUMPUR, 5 April (Bernama) -- Seorang anggota kongres Amerika Syarikat Khamis memuji sistem demokrasi yang diamalkan di Malaysia dan tidak menggalakkan ahli politik Amerika untuk menunjukkan sokongan kepada mana-mana pihak di Malaysia.

Eni Faleomavaega yang juga seorang wakil bagi daerah bebas Samoa Amerika dalam kongres Amerika berkata adalah tidak adil kepada mana-mana ahli politik Amerika untuk tampil memberi sokongan kepada mana-mana pihak di Malaysia.

Faleomavaega berkata sistem demokrasi di Malaysia berjalan dengan lancar dan terserah kepada kebijaksanaan orang ramai untuk memilih kerajaan mereka sendiri.

"Persoalan mengenai demokrasi di Malaysia, ia berjalan dengan baik. Kita perlu sensitif kepada keghairahan rakyat Malaysia dalam soal proses pilihan raya dan proses memilih pemimpin dan saya beritahu anda sudah pasti ia bukan urusan kami.

"Ia bukan tanggungjawab kami, tapi saya percaya rakyat Malaysia cerdik dan proses itu akan berjalan dengan aman dan terpulang kepada anda untuk memilih pemimpin kamu sendiri," katanya kepada pemberita selepas melawat bangunan Parlimen di sini, Khamis.

Turut hadir Duta Besar Malaysia ke Amerika Datuk Seri Dr Jamaluddin Jarjis.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=657285>